



GARIS PANDUAN PENEMPATAN PEKERJA ASING

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Johor

**GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN
PENEMPATAN PEKERJA ASING**

Susunatur Garis Panduan-Garis Panduan

**BAHAGIAN 1
PERMULAAN**

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Tujuan.
4. Objektif.

**BAHAGIAN 2
GARISPANDUAN**

5. Perancangan Tapak Penempatan Pekerja Warga Asing
6. Keselamatan
7. Kesihatan
8. Urustadbir Penempatan Pekerja Asing
9. Jawatankuasa Pemantauan

LAMPIRAN

- Lampiran A : Borang Laporan Lawatan Pemeriksaan
- Jadual 1 : Piawai Penempatan Pekerja Asing
- Jadual 2 : Keluasan Tanah Yang Diperlukan

**GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN
PENEMPATAN PEKERJA ASING**

**BAHAGIAN 1
PERMULAAN**

1. (a) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan **Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Penempatan Pekerja Asing** dan hendaklah dipakai bagi penyediaan penempatan secara kekal dan berpusat bagi semua kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Iskandar Malaysia.

Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa
- (b) Penempatan berbentuk sementara perlulah merujuk kepada garis panduan yang telah digunakan dan sedia ada.
- (c) Garis Panduan ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya
2. Bagi maksud garis panduan ini, **"Pekerja Asing"** bermaksud pekerja yang berasal dari negara luar yang datang ke negara ini untuk bekerja kecuali pegawai dagang/ekspatriate sebagaimana yang didefinisikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Wilayah Pembangunan Iskandar (**Iskandar Malaysia**) bermaksud kesemua kawasan yang berada dalam lingkungan persempadanan Iskandar Malaysia sebagaimana terkandung dalam Akta IRDA 2007 (Akta 664). **"Pihak Pengurusan"** bermaksud pihak yang dilantik bagi menguruskan penempatan pekerja asing.

Tafsiran.
3. Garis panduan dan Piawaian Perancangan bagi Penempatan Pekerja Asing ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Iskandar Malaysia (IRDA), agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, pemaju dan pihak pengurusan dalam merancang pemajuan, pengurusan, pengawalan dan pelaksanaan pembangunan penempatan pekerja asing sektor binaan dan perkhidmatan.

Tujuan.
4. Objektif Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Penempatan Pekerja Asing adalah berikut:

Objektif.

 - (a) Memastikan perancangan pembangunan penempatan pekerja asing disediakan di lokasi yang bersesuaian dan strategik di dalam Iskandar Malaysia;
 - (b) Memastikan penempatan pekerja asing yang akan disediakan memenuhi keperluan minimum mengikut piawaian yang ditetapkan.
 - (c) Menjaga kesejahteraan dan keselamatan pekerja asing.

BAHAGIAN 2 GARISPANDUAN PERANCANGAN

5. Perancangan tapak bagi Penempatan Pekerja Asing hendaklah mematuhi Garis Panduan seperti mana yang dinyatakan berikutnya.
- Perancangan Tapak**
- (1) Jenis Bangunan-Bahan binaan bangunan hendaklah daripada bahan yang tahan, khasnya bahan konkrit dan tidak mudah terbakar serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- Keadaan Fizikal Bangunan
- (2) Reka bentuk:-
- Reka bentuk Bangunan
- (a) Bangunan kediaman pekerja asing, berkonsepkan hostel dan unit pangsa maksima **5 tingkat** dan **tidak menggunakan lif**.
- (b) Setiap blok bangunan hendaklah menampung tidak melebihi seramai **500 orang pekerja asing** dan 1000 orang bagi blok berkembar.
- (c) Setiap blok bangunan perlu mempunyai tangga dan akses keluar/masuk yang mencukupi dan mengambilkira keadaan semasa berlakunya kecemasan.
- (3) (a) Susun atur perlu memberi ruang kepada komponen-komponen berikut saiz blok bangunan, kemudahan utiliti, kemudahan sosial dan ruang komuniti, rangkaian jalan dalaman, anjakan bangunan dan anjakan dari sempadan jalan dan sempadan lot, kawasan lapang dan rekreasi(sekurang-kurangnya 10%), kedai dan dobi serta kawasan lanskap.
- Susun Atur Bangunan
- (b) Kemudahan kejrangan seperti dewan, masjid, kawasan kedai runcit dalam bentuk "lock-up shop", dan padang serbaguna perlu dipusatkan sebagai satu komuniti. Kawasan tersebut akan berfungsi sebagai kawasan pusat kejrangan;
- (c) Keluasan di dalam unit kediaman hendaklah mencukupi bagi memastikan terdapat kesendirian (Privacy) serta pencahayaan dan pengudaraan semulajadi yang mencukupi;
- (d) Ruang menyimpan barang, ruang legar dan ruang kemudahan 'laundrette' mestilah mengikut **Garis Panduan Penyediaan 'Laundrette'** oleh **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**.
- (4) (a) Kawasan penempatan hendaklah dilengkapi dengan sistem dan hierarki jalan serta laluan fizikal yang berterusan dan cukup lebar bagi laluan jentera bomba ke setiap bangunan yang dibina.
- Sirkulasi
- (b) Pemilikan kenderaan adalah tidak dibenarkan.
- (c) Antara tempat letak kenderaan/bas dan bangunan penempatan perlu dilengkapi dengan laluan (access) dan siar kaki yang berterusan dan berteduh (*Covered walkway*).

- (d) Mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam garis panduan ini, keperluan jalan hendaklah mematuhi "Guidelines and Geometric Standards On Road Networks System" dan **Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti** yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- (5) (a) Kemudahan sosial dan masyarakat hendaklah mematuhi kehendak **Manual Piawaian Perancangan JPBD, 1998 dan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, JPBD 19/97** termasuklah menyediakan system telekomunikasi seperti telefon awam dan wakil pos/pejabat pos;
- (b) Rizab tapak kemudahan ibadat hendaklah mematuhi kehendak **Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat Edisi Kedua, JPBD 4/2000 dan Manual Piawaian Perancangan JPBD 1988;**
- (c) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan tidak ada sebarang aktiviti penjajaan di sekitar kawasan ini.
- (6) Setiap kediaman mestilah memperolehi bekalan air yang berterusan dan tekanan yang mencukupi untuk keperluan domestik dan bencana kebakaran; dan kesemua kerja-kerja rekabentuk dan pembinaan sistem retikulasi air hendaklah merujuk dan mematuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk kelulusan.
- (7). (a) Kawasan penempatan pekerja asing juga perlu disediakan sistem pembuangan sampah.
- (b) Pihak pengurusan pusat penempatan pekerja asing hendaklah menyelaras dan menguruskan pelupusan sampah dan sisa pepejal lain dengan SWM (Southern Waste Management).
- (c) Sistem pengurusan sisa pepejal hendaklah sentiasa diawasi dan dipantau oleh pihak pengurusan penempatan pekerja asing yang berkenaan.
- (8) Kesemua kerja reka bentuk, pembinaan dan penyiapan bangunan pencawang elektrik, lampu jalan dan hal-hal yang berkaitan, hendaklah mematuhi kehendak dan mendapat kelulusan pihak **Tenaga Nasional Berhad** di peringkat daerah yang berkaitan dan perletakan Pencawang Elektrik hendaklah mematuhi **Garis Panduan Perancangan Tapak Pencawang Elektrik, JPBD 9/97** yang mengawal reka bentuk bangunan, keperluan lanskap dan anjakan yang selamat.

Kemudahan Masyarakat

Sistem Retikulasi Air

Tempat Pembuangan Sampah

Bekalan Elektrik

- | | | |
|------|---|---------------------------------|
| (9) | Sistem pembentungan hendaklah menyediakan sistem rawatan kumbahan berpusat dan menepati Garis Panduan Reka Bentuk dan Pemasangan Pembentungan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Garis Panduan Perancangan Sistem Pembentungan, JPBD 1/99. | Pembentungan |
| (10) | (a) Sistem perparitan hendaklah mampu mengelakkan air bertakung dan mempunyai saiz yang besesuaian mengikut keperluan kawasan tadahannya.

(b) Sistem perparitan yang berkonsepkan pengawalan punca ataupun Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) hendaklah digunakan. | Perparitan |
| (11) | (a) Pili bomba hendaklah disediakan dengan lokasi dan jumlahnya seperti yang diisyaratkan di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS), 1984 dan mematuhi keperluan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

(b) Bangunan kediaman pekerja asing juga perlu diadakan sistem pencegahan kebakaran sebagaimana diisyaratkan oleh Akta Perkhidmatan Bomba, 1988 dan UUKBS, 1984 . Bangunan ini juga perlu menyediakan alat pemadam kebakaran di dalam bangunan dan diletakkan di tempat-tempat strategik. | Pili Bomba dan Alat Pemadam Api |
| (12) | (a) Konsep Hostel (Domitori) – Unit pangsa 5 tingkat Tempal tinggal berbilik dan disediakan dewan makan.

(b) Apartment- Apartment bagi menempatkan pekerja asing tersebut boleh ditukarguna kepada apartment yang boleh dijual kepada penduduk tempatan di masa akan datang. | Perancangan Tapak |
| (13) | (a) Jarak dari tempat kerja hendaklah dalam lingkungan 45 minit ke 1 jam perjalanan menggunakan bas pekerja.

(b) Pembangunan penempatan pekerja asing hendaklah tidak berada di dalam kawasan kediaman sedia ada atau kawasan yang dicadangkan.

(c) Jika tapak penempatan di bina sebagai sementara dan akan ditukarguna kepada penduduk tempatan maka ianya dibolehkan. Jika kawasan sekitar masih berstatus pertanian dan tiada pembangunan.

(d) Tidak berada dalam kawasan mudah banjir. | Kriteria Pemilihan Tapak |
| (14) | Sesebuah cadangan pembangunan penempatan pekerja asing memerlukan pihak pemaju memohon kebenaran merancang. Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang bagi menjalankan aktiviti pemajuan hendaklah disertakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Seksyen 21A. | Kawalan Pembangunan |

6. Keselamatan

- (1) Tapak yang dicadangkan untuk dibangunkan sebagai penempatan pekerja asing hendaklah tidak melibatkan kawasan sasaran penting atau mana-mana kawasan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.
- (2) Jumlah penghuni sesebuah penempatan pekerja asing hendaklah tidak melebihi 5000 orang bagi memastikan urustadbir kawasan ini terjamin dan lancar.
- (3) Permohonan cadangan pembangunan hendaklah dimaklumkan kepada pihak **Majlis Keselamatan Negara dan Negeri** untuk kelulusan.
- (4) (a) Semua pekerja asing perlu menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.

(b) Semua maklumat berkaitan setiap pekerja asing yang ditempatkan di kawasan penempatan ini hendaklah disalinkan kepada pihak **Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis, IRDA** dan **pihak pengurusan** penempatan pekerja asing.
- (5) (a) Pihak pengurusan hendaklah menempatkan pondok keselamatan di kesemua pintu keluar/masuk utama ke kawasan penempatan pekerja asing.

(b) Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan ini.

(c) Sistem kawalan di pintu keluar masuk termasuk penggunaan sistem biometrik atau setara yang diperakui oleh pihak keselamatan hendaklah disediakan.
- (6) (a) Rondaan dalaman perlu dijalankan selama 24jam untuk memastikan keadaan keselamatan sentiasa terkawal.

(b) Pemasangan CCTV(*Close Circuit Television*) dalam kawasan penempatan hendaklah disediakan di tempat-tempat strategik.
- (7) Penempatan pekerja asing dalam satu-satu kawasan ataupun bangunan hendaklah membuat pengasingan mengikut:-
 - (a) jantina
 - (b) negara asal
 - (c) agama yang dianuti
 - (d) tempat kerja dan jenis pekerjaan

Keselamatan

Kepadatan

Pertapakan Penempatan Pekerja Asing

Tapisan Keselamatan Pekerja Asing

Pondok Keselamatan dan Keselamatan Kawasan

Rondaan dan Pemasangan CCTV

Pengagihan Penempatan Pekerja Asing

7. Kesihatan:-

- (1) Bekalan air harus mencukupi pada setiap masa bagi mengelakkan pekerja mencari air dari punca yang tidak selamat

Kesihatan

Bekalan Air

- | | |
|---|--|
| <p>(2) (a) Bilangan kemudahan tandas yang disediakan harus mencukupi berbanding bilangan penghuni iaitu satu (1) bagi setiap sepuluh (10) penghuni.</p> <p>(b) Tandas yang digunakan hendaklah menggunakan tandas cangkung.</p> | <p>Kemudahan Tandas</p> |
| <p>(3) (a) Pihak pengurusan hendaklah menyediakan makanan bermasak dan bertanggungjawab untuk melantik 'caterer' yang berkeelayakan bagi mengendalikan makanan di kawasan penempatan pekerja asing selaras dengan syarat-syarat daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan.</p> <p>(b) Harga makanan yang disajikan mesti berpatutan dan Jawatankuasa perlu membuat pemantauan dari masa ke semasa..</p> <p>(c) Memasak hanya dibenarkan di tempat yang disediakan dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan</p> | <p>Penyediaan Makanan</p> |
| <p>(4) Kawasan persekitaran penempatan pekerja asing ini hendaklah diurus dengan baik oleh pihak pengurusan. Penghuni di penempatan pekerja asing ini tidak dibenarkan memelihara binatang di kawasan penempatan.</p> | <p>Penjagaan Persekitaran</p> |
| <p>(5) (a) Kemudahan rawatan dan kesihatan hendaklah dikendalikan oleh anggota yang bertauliah. "Sick bay" hendaklah disediakan bagi pengasingan mereka yang sakit, pemeriksaan dan rawatan dapat diberikan di lokasi sebelum mereka dipindahkan ke hospital atau pusat rawatan jika keadaan memerlukan.</p> <p>(b) Pemeriksaan kesihatan adalah diwajibkan bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal. Pekerja asing yang menghadapi penyakit berjangkit mesti dihantar pulang ke negara asal dengan segera.</p> | <p>Kemudahan Rawatan Dan Kesihatan</p> |
| <p>(6) (a) Dalam kes kematian pekerja asing, jenazah/mayat hendaklah diuruskan dengan sempurna dan mematuhi keperluan dan undang-undang yang ada. Sekiranya jenazah/mayat tersebut hendak di bawa pulang ke negara asal.</p> <p>(b) Pihak Pengurusan boleh menyediakan peraturan dalam dari masa ke semasa tertakluk kepada Garispanduan ini.</p> | <p>Kes Kematian Pekerja Asing</p> |
| <p>8. Urustadbir Penempatan warga asing:-</p> | <p>Urustadbir Penempatan</p> |
| <p>(1) (a) Pihak IRDA adalah bertanggungjawab membantu di atas proses perlantikan badan pengurusan perkerja asing</p> | <p>Peranan IRDA</p> |

(b) Melaksanakan polisi yang sedia ada dan menggubal apa yang sesuai dan perlu untuk memastikan pengurusan penempatan dan hal ehwal pekerja asing yang mampan di ISKANDAR MALAYSIA.

(c) Memantau permintaan dan penawaran bagi penempatan pekerja asing dan memaklumkan kepada agensi –agensi berkenaan dan pihak yang terlibat.

(2) (a) Pemaju hendaklah menyediakan laporan yang jelas dalam Laporan Cadangan Pembangunan tentang langkah-langkah yang akan diambil bagi menempatkan pekerja asing yang terlibat dalam pembangunan.

Peranan Pemaju

(b) Pemaju hendaklah menyertakan **Laporan SIA (Social Impact Assessment)** dalam **Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)** serta menyatakan cadangan penempatan pekerja khasnya semasa pembinaan.

(3) (a) Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) hendaklah memaklumkan kepada Pihak IRDA berhubung setiap permohonan pemajuan yang melibatkan pekerja asing.

Peranan PBT

(b). PBT hendaklah melakukan **pemeriksaan dan penilaian kesesuaian penempatan** pekerja asing sebelum ianya didiami dalam tempoh **2 minggu** daripada tarikh permohonan dibuat.

(c). Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memaklumkan pemohon semasa pemeriksaan dilakukan, sekiranya penempatan pekerja asing yang disediakan tidak memenuhi keperluan dan piawaian minima dari segi pembinaan, sanitari, kemudahan dan operasi yang dikenakan dan memberi tempoh **60 hari bagi kerja-kerja penambahbaikan** sebelum pemeriksaan semula dibuat.

(d) PBT hendaklah menjalankan pemeriksaan dalam tempoh tidak lebih **7 hari dari tarikh sebarang aduan** berhubung penempatan pekerja asing khasnya aduan yang melibatkan ancaman kesihatan dan keselamatan.

(e) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memberikan **salinan sebarang aduan** yang diterima kepada pihak pengurusan penempatan pekerja asing.

(f). Sebelum pemeriksaan dibuat, pihak pengurusan hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu dan kehadiran mereka semasa pemeriksaan adalah diwajibkan.

(g). **Aduan** berhubung penempatan pekerja asing boleh dibuat secara **bertulis ataupun melalui telefon** kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

(h). Pihak Berkuasa Tempatan boleh **menarik balik atau menggantung lesen yang dikeluarkan ataupun mengenakan denda** sekiranya didapati pihak pengurusan gagal atau tidak memenuhi keperluan minama serta syarat yang dikenakan bagi menjalankan operasi penempatan pekerja asing.

(4) (a) Mana-mana pihak syarikat swasta atau pemaju yang berminat untuk menguruskan penempatan pekerja asing hendaklah **memohon untuk mengurus atau menjalankan operasi kemudahan penempatan pekerja asing daripada IRDA.**

Pengurusan Penempatan
Pekerja Asing

(b) Permohonan untuk mendapatkan lesen dan permit juga diperlukan dari pihak yang berkaitan.

(c) Pihak Pengurusan hendaklah mengemukakan permohonan bagi menempatkan pekerja asing sekurang-kurangnya **30 hari sebelum pusat penempatan itu beroperasi** bagi membolehkan pemeriksaan dan penilaian kesesuaian dibuat terlebih dahulu.

(c) Pihak Pengurusan penempatan Pekerja Asing hendaklah mendapatkan kelulusan caj-caj pengurusan dan pentadbiran daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu sebelum sesuatu caj itu dikenakan.

(d) Hendaklah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan untuk **melaporkan** dengan serta merta kepada pihak jabatan kesihatan sebarang **penyakit berjangkit** yang disyaki di kawasan penempatan pekerja asing.

(e) Pihak pengurusan penempatan pekerja asing hendaklah menyimpan **rekod yang sentiasa dikemaskini** dan boleh diperiksa pada bila masa oleh pihak berkuasa. Rekod tersebut termasuklah:-

- i. **Surat-menyurat** dengan pihak berkuasa.
- ii. **Salinan lesen** yang mengandungi nama pengusaha yang sah.
- iii. **Senarai nama penghuni dan biodata** semua pekerja asing yang mendiami kawasan tersebut.
- iv. **Rekod penempatan pekerja** yang menyatakan blok bangunan, bilik dan katil yang didiami serta menyatakan tarikh keluar-masuknya.
- v. **Rekod kesihatan** setiap penghuni.
- vi. **Salinan semua dokumen** yang diperlukan oleh pihak berkuasa persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan termasuk dan tidak terhad kepada permit pekerja asing, kebenaran menempatkan pekerja dan lain-lain permit yang berkenaan.
- vii. Rekod ini hendaklah termasuk rekod-rekod lampau dalam jangkamasa **5 tahun sebelumnya.**

9. (1) (a) **Jawatankuasa Penempatan Pekerja Asing** di peringkat negeri perlu ditubuhkan dan akan dipengerusikan oleh **Setiausaha Kerajaan Negeri** atau wakil yang akan bersidang sekurang-kurangnya sekali setiap empat (4) bulan. Pengerusi akan membawa apa-apa keputusan mesyuarat ke Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diputuskan dan dijadikan sebagai keputusan kerajaan.

(b) Jawatankuasa juga berperanan untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan dan pihak kedutaan/konsulat di dalam pemantauan, pengelaran, pelaksanaan dan pematuhan polisi dan peraturan yang dikenakan dalam pembangunan dan juga pengurusan penempatan pekerja asing.

(c) Struktur Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

Pengerusi : *Setiausaha Kerajaan Negeri*
Setiausaha Bersama : *Pesuruhjaya Negeri , IRDA*

Ahli Jawatankuasa:

- i. Pengarah UPEN*
- ii. Ketua Eksekutif IRDA*
- iii. Pihak Berkuasa Tempatan dalam Iskandar Malaysia*
 - *Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru*
 - *Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah*
 - *Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai*
 - *Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian*
 - *Setiausaha Majlis Perbandaran Tempatan Pasir Gudang*
- iv. Ketua Polis Negeri*
- v. Pengarah Imigresen*
- vi. Pengarah Majlis Keselamatan Negara*
- vii. Pengarah Jabatan Kesihatan*
- viii. Pengarah Jabatan Alam Sekitar*
- ix. Pengarah JPBD*
- x. Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja*
- xi. Pengarah Jabatan Tenaga Kerja*
- xii. pengarah Majlis Agama Islam Negeri Johor*

dan jabatan-jabatan yang berkaitan yang akan dipanggil dari masa ke semasa.

Senarai Bahan Rujukan

- 1.0 Garis Panduan Penyediaan '*Laundrette*' oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- 2.0 Guidelines and Geometric Standards On Road Networks System” dan Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- 3.0 Manual Piawaian Perancangan JPBD, 1998 dan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, JPBD 19/97
- 4.0 Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat Edisi Kedua, JPBD 4/2000
- 5.0 Garis Panduan Perancangan Tapak Pencawang Elektrik, JPBD 9/97
- 6.0 Garis Panduan Reka Bentuk dan Pemasangan Pembentungan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- 7.0 Garis Panduan Perancangan Sistem Pembentungan, JPBD 1/99.
- 8.0 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS), 1984
- 9.0 Akta Perkhidmatan Bomba, 1988